

Rakyat perlu celik asas ekonomi

Isu ekonomi antara faktor utama kepada peristiwa bersejarah, keputusan Pilihan Raya Umum Ke-14 yang menyaksikan perubahan kerajaan buat kali pertama selepas 60 tahun merdeka.

Ekoran kemenangan pada pilihan raya umum lalu, kerajaan baru membuat pelbagai keputusan berkaitan isu ekonomi di negara ini. Setiap dasar ekonomi yang dibuat berkait rapat dengan kehidupan setiap rakyat. Justeru, rakyat perlu menjadi sebahagian daripada dasar ini dengan menilai dan memahami kesan dasar ini.

Dengan ada ilmu asas ekonomi, rakyat boleh menyedari bagaimana dasar ekonomi yang dirangka oleh ahli politik akan memberi kesan kepada kehidupan kita. Penting untuk rakyat celik ekonomi. Celik ekonomi juga disebut sebagai literasi ekonomi. Literasi bermaksud keupayaan untuk membaca dan menulis.

Menurut laporan Bank Dunia, kadar literasi rakyat Malaysia yang berumur 15 tahun ke atas mencapai 93 peratus pada 2010 dan dijangka mencapai 95 peratus pada 2017. Bagaimana pula dengan kadar literasi ekonomi rakyat dewasa Malaysia?

Literasi ekonomi atau celik ekonomi bermaksud mempunyai pengetahuan asas dalam bidang ekonomi. Ekonomi satu bidang akademik yang begitu dekat dengan kehidupan setiap orang, tidak kira latar belakang bidang pendidikan seseorang.

Secara asas, ekonomi terbahagi kepada dua bahagian utama, iaitu mikroekonomi dan makroekonomi. Mikroekonomi pengetahuan tentang gelagat individu, isi rumah dan firma manakala makroekonomi pengetahuan ekonomi sesebuah negara.

Pengurusan sumber

Prinsip asas ekonomi ialah kajian bagaimana masyarakat menguruskan sumbernya yang terhad. Sesungguhnya setiap manusia ingin memuakan kehendaknya yang tidak ada had, namun sumber yang ada terhad.

Rakyat yang celik ekonomi mampu mengenal pasti kos dan faedah serta membuat keputusan berdasarkan sumber yang terhad; memahami bagaimana interaksi di antara pengguna dan pembeli yang akan mempengaruhi harga barang; menerangkan peranan dan fungsi institusi ekonomi kerajaan seperti bank negara; menilai kos dan faedah sesuatu dasar awam serta mengenal pasti pihak yang memperoleh faedah daripada dasar berkenaan; memahami asas pendapatan dan agi-

Komentari



Dr Lai Wei Siang

Pensyarah Kanan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia



Kesan buruk yang berpunca daripada pemahaman yang salah ialah penyebaran maklumat palsu atau tidak tepat dan seterusnya akan menjejaskan persepsi orang ramai terhadap ekonomi negara. Dengan adanya ilmu ekonomi yang asas, rakyat berupaya memberi pandangan dan cadangan yang bernas dan rasional"

harunya, kadar bunga, inflasi, pengangguran, pelaburan dan risiko.

Dalam era maklumat di hujung jari, rakyat begitu mudah mendapat maklumat terkini dari pelbagai sumber di atas talian. Setiap hari pelbagai maklumat dipaparkan dalam media cetak dan media sosial. Lebih-lebih lagi dalam media sosial yang bersifat interaktif dengan pembaca boleh memberi komen dan pandangan.

Selalunya ramai yang akan memberikan pandangan dan analisis masing-masing apabila sesuatu tindakan atau keputusan kerajaan dilaporkan dalam media sosial. Justeru, rakyat perlu celik ekonomi supaya dapat memproses maklumat itu dengan tepat dan tidak menerima maklumat berkenaan bulat-bulat dan seterusnya menyebarkan berita berkenaan.

Kesan buruk yang berpunca daripada pemahaman yang salah ialah penyebaran maklumat palsu atau tidak tepat dan seterusnya akan menjejaskan persepsi orang ramai terhadap ekonomi negara. Dengan adanya ilmu ekonomi yang asas, rakyat berupaya memberi pandangan dan cadangan yang bernas dan rasional.

Maklum balas rakyat

Maklum balas daripada rakyat penting kepada kerajaan dalam usaha merangka dasar yang membawa manfaat kepada rakyat. Sementara itu, rakyat yang celik ekonomi juga mampu me-

nilai pencapaian kerajaan dalam mengurus tadbir sesebuah negara.

Sebagai contoh, terma ekonomi semasa inflasi, kadar pertukaran mata wang, golongan B40, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNG), inflasi, pengangguran, gelagat pengguna, hutang negara dan sebagainya ialah terma yang biasa didengari oleh rakyat.

Tanpa pengetahuan ini, rakyat mengalami masalah untuk memahaminya dan seterusnya menghayati usaha dan dasar kerajaan. Rakyat perlu memahaminya dan seterusnya menerima serta menyertainya bagi memastikan dasar yang dirancang mencapai objektif dan seterusnya memberi manfaat kepada rakyat.

Literasi ekonomi bukan sahaja perlu dalam rakyat dewasa, malah rakyat pelbagai lapisan umur perlu memperoleh pengetahuan asas ekonomi. Usaha ini bukan saja akan membantu meningkatkan taraf hidup individu, malah ia mampu meningkatkan ekonomi negara keseluruhannya.

Penerapan pengetahuan asas ekonomi ini perlu bermula daripada kurikulum di sekolah menengah, terutamanya pelajar Tingkatan Lima dan Enam yang bakal memulakan hidup baru dan melangkah ke masyarakat.

Pelajar ini akan membuat keputusan, sama ada meneruskan pelajaran pada peringkat tertuari atau bekerja. Mereka perlu memahami kesan jangka panjang pi-

lian mereka dari segi ekonomi. Ini dapat memastikan generasi muda yang juga tunjang masa depan negara memiliki masa depan yang lebih cerah.

Di Malaysia, jika dicari dalam Google, hampir tidak ada maklumat berkaitan dengan literasi ekonomi. Sebaliknya, literasi kewangan lebih menonjol atau lebih menjadi tumpuan.

Tingkat pemahaman

Pelbagai program celik kewangan digerakkan oleh pihak tertentu seperti Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Malaysian Care (NGO) dan Bank Negara. Malah, Bank Negara sedang merangka strategi kebangsaan lima tahun yang bertujuan meningkatkan literasi kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia.

Visa World Financial Literacy Survey 2012 melaporkan Malaysia menduduki tempat ke-14 daripada 28 negara yang mengambil bahagian, mengatasi negara berpendapatan tinggi seperti Taiwan dan Hong Kong dengan 41.7 peratus responden celik kewangan.

Literasi kewangan ialah sebahagian daripada literasi ekonomi. Dengan ada pengetahuan dalam kewangan, rakyat akan memahami cara untuk membuat pelaburan dan menguruskan perbelanjaan harian.

Jika dilihat di negara maju contohnya di Amerika Syarikat, ujian literasi ekonomi, *The Test of Economic Literacy* ialah ujian tetap untuk pelajar menengah atas kerana literasi ekonomi dianggap penting untuk individu, isi rumah, firma dan juga negara.

Literasi ekonomi belum menjadi tumpuan di Malaysia, namun rakyat boleh memperoleh pengetahuan asas ekonomi dengan meningkatkan pembacaan analisis ahli ekonomi yang berkelayakan.

Selain itu, universiti awam tempatan perlu menggalas inisiatif untuk meningkatkan literasi ekonomi rakyat. Pada zaman teknologi pendidikan yang maju ini, rakyat tidak lagi perlu hadir ke kelas secara fizikal untuk memperoleh ilmu.

Universiti awam di Malaysia giat menggunakan platform "Massive Open Online Courses" (MOOC) untuk memudahkan rakyat mendapat pelbagai ilmu secara dalam talian.

Melihat kepada kepentingan literasi ekonomi, sudah tiba masanya untuk kursus pendek yang bertujuan untuk meningkatkan literasi ekonomi diperkenalkan. Literasi ekonomi mampu menjadi pemangkin kepada usaha kerajaan untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi.



Pemahaman salah dan penyebaran maklumat palsu menjejaskan persepsi orang ramai terhadap ekonomi negara.

(FOTO ILASAN)